

21 JUN 2003

Mahathir-OIC

PERDANA MENTERI TIDAK BERMINAT JAWATAN S/AGUNG OIC

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak kemungkinan beliau akan menyandang jawatan setiausaha agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) setelah meletakkan semua jawatan dalam parti dan kerajaan Oktober depan.

"Tidak. Saya tidak akan menyandang sebarang jawatan, di mana pun. Bagaimanapun jika saya boleh memberikan sumbangan dengan pandangan-pandangan saya, saya bersedia memberikan pendapat saya, itu saja," kata Perdana Menteri pada persidangan media di hari ketiga dan terakhir Perhimpunan Agung ke-54 Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir ditanya sama ada beliau berminat menyandang jawatan itu berdasarkan kedudukan beliau yang cemerlang di kalangan negara Islam dan membangun.

Awal hari ini Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata beberapa negara OIC telah mencadangkan supaya Malaysia menamakan seorang calon bagi jawatan setiausaha agung OIC tahun depan.

Setiausaha agung OIC kini Dr Abdelouahed Belkeziz dari Maghribi memegang jawatan itu sejak 2001. Perdana menteri pertama Malaysia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merupakan setiausaha agung OIC pertama, berkhidmat dari 1971 hingga 1973.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai buku anti semitik "The International Jew" tulisan industrialis Amerika Syarikat Henry Ford yang dilapor diedarkan kepada para anggota perwakilan.

Katanya beliau tidak menyedari mengenai perkara itu.

"Saya tidak tahu. Saya tidak bertanggungjawab dengan pengedaran itu. Jika orang mahu menerbit dan mengedarkannya, terpulang kepada mereka," kata Presiden Umno dengan cara biasanya, berterus ternag.

"Orang memperkatakan mengenai kebebasan bercakap dan sebagainya, Tetapi jika melihat sesuatu yang mereka tidak suka, mereka mahukan kita menahan (daripada melakukannya)," katanya.

Ucapan perasmian Dr Mahathir pada Khamis antara lain menyentuh mengenai peranan yang dimainkan bangsa Eropah dalam membentuk negara Israel dengan mengorbankan kepentingan rakyat Palestin.

-- BERNAMA

MAM MAM RON